



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA,
SUKU TAHUN KEEMPAT 2025**

Kadar pertumbuhan penduduk perlahan pada 0.6 peratus (192,495) seiring penurunan kelahiran hidup sebanyak 5.4 peratus

PUTRAJAYA, 12 FEBRUARI 2026 – Penduduk Malaysia dianggarkan 34.3 juta berbanding 34.1 juta pada suku tahun keempat 2024 dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan 0.6 peratus berbanding 1.2 peratus (ST4 2024).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Komposisi penduduk Warganegara dan Bukan Warganegara pada suku tahun keempat 2025 masing-masing kekal pada 90.1 peratus dan 9.9 peratus berbanding suku tahun keempat 2024. Penduduk lelaki meningkat kepada 18.0 juta daripada 17.9 juta pada suku tahun keempat 2024 dan penduduk perempuan meningkat kepada 16.3 juta daripada 16.2 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 102. Komposisi penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat daripada 7.8 peratus kepada 8.0 peratus pada suku tahun keempat 2025. Sementara itu, penduduk umur muda (0-14 tahun) merekodkan penurunan daripada 21.9 peratus kepada 21.6 peratus. Penduduk umur bekerja (15-64 tahun) meningkat daripada 70.3 peratus kepada 70.4 peratus bagi tempoh yang sama".

Dari segi etnik, Melayu menyumbang 58.2 peratus daripada jumlah penduduk pada suku tahun keempat 2025 (ST4 2024: 58.2%). Penduduk Bumiputera Lain, etnik Cina dan etnik India kekal tidak berubah berbanding suku tahun keempat 2024 iaitu masing-masing pada 12.3 peratus, 22.2 peratus dan 6.5 peratus. Bumiputera Sabah menyumbang 55.2 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.3%) terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan, "Bilangan kelahiran hidup terus merekodkan penurunan sebanyak 5.4 peratus kepada 99,353 kelahiran berbanding 105,027 kelahiran pada suku tahun keempat 2024. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 51,340 kelahiran berbanding 48,013 kelahiran. Nisbah jantina ketika lahir ialah 107 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 18,517 kelahiran (18.6%) manakala

kelahiran hidup terendah direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 331 kelahiran (0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun mencatatkan kelahiran hidup tertinggi dengan 49,432 kelahiran (49.8%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (43.4%), 40 tahun dan lebih (4.7%) dan kurang daripada 20 tahun (2.1%). Secara purata, seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 45 bayi bagi setiap jam dan 1,080 bayi sehari pada suku tahun keempat 2025”.

Melayu menyumbang 68.7 peratus (68,263 kelahiran) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun keempat 2025 (ST4 2024: 67,912 kelahiran, 64.7%). Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 7.8 peratus dan 3.9 peratus berbanding 11.9 peratus dan 4.3 peratus pada suku tahun keempat 2024. Kelahiran hidup bagi Bumiputera Lain meningkat kepada 12.9 peratus berbanding 12.5 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Lain terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 59.5 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (34.6%), Bajau (31.3%), Murut (6.4%) dan Bumiputera Sabah lain (27.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 33.4 peratus yang terdiri daripada Iban (57.5%), Bidayuh (16.9%), Melanau (12.8%) dan Bumiputera Sarawak lain (12.8%).

Mengulas lanjut, sebanyak 51,077 kematian telah direkodkan pada suku tahun keempat 2025, meningkat 1.3 peratus berbanding suku tahun keempat 2024 (50,415 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 29,358 manakala 21,719 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina kematian ialah 135 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi dengan 7,990 kematian (15.6%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan bilangan kematian terendah dengan 82 kematian (0.2%). Penduduk berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi dengan 35,788 kematian (70.1%), diikuti 41-59 tahun (20.7%), 15-40 tahun (7.3%) dan 0-14 tahun (1.9%). Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, 23 kematian direkodkan setiap jam dan 555 kematian sehari pada suku tahun keempat 2025.

Melayu menyumbang 53.3 peratus (27,214 kematian) daripada jumlah kematian (ST4 2024: 26,216 kematian, 52.0%). Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 25.5 peratus dan 8.3 peratus berbanding 26.3 peratus dan 8.4 peratus pada suku tahun keempat 2024. Kematian bagi Bumiputera Lain turut menurun kepada 10.3 peratus berbanding 10.4 peratus pada suku tahun keempat 2024. Bumiputera Sabah menyumbang 52.0 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (39.0%), Bajau (28.4%), Murut (5.2%) dan Bumiputera Sabah lain (27.4%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 42.8 peratus yang terdiri daripada Iban (60.7%), Bidayuh (19.5%), Melanau (11.1%) dan Bumiputera Sarawak lain (8.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menjelaskan, dunia ketika ini menyaksikan trend penurunan global dalam kadar kelahiran dan kadar kesuburan jumlah (TFR), di mana semakin banyak negara mencatatkan TFR di bawah paras penggantian iaitu 2.1 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun. Fenomena ini menimbulkan cabaran

besar kepada struktur demografi, pertumbuhan ekonomi dan keseimbangan sosial di peringkat global dan negara.

Beberapa negara seperti Republic of Korea, Japan, Singapore, Thailand, China, Russia dan France telah mencatatkan TFR di bawah paras penggantian yang membawa kepada kebimbangan terhadap isu penuaan penduduk, penurunan penduduk dan tenaga kerja. Bagi menangani cabaran ini, pelbagai dasar berkaitan kependudukan, kesuburan dan sokongan keluarga telah diperkenalkan. Sebagai contoh, Republic of Korea mengambil inisiatif dengan melanjutkan tempoh cuti bersalin kepada tiga bulan, menyediakan cuti penjagaan anak bergaji sehingga setahun serta menawarkan insentif kewangan dan potongan cukai. Sementara itu, Thailand turut memperkenalkan insentif dengan menaikkan jumlah pengecualian cukai kepada keluarga yang mempunyai dua atau lebih anak bagi menggalakkan kadar kelahiran yang lebih tinggi. Sebagai tambahan, France telah memperkenalkan sistem cukai berasaskan keluarga. Pendekatan unik ini mengurangkan bebanan cukai isi rumah berdasarkan jumlah anak dalam sesebuah rumah.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM Geohub merupakan platform pemetaan digital bagi memudahkan akses kepada statistik rasmi negara yang diintegrasikan dengan maklumat geospasial dan boleh diakses melalui portal <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM turut membangunkan **Kalkulator Jangka Hayat** yang boleh diakses melalui laman web <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> serta dimuat turun sebagai aplikasi menerusi Google Play Store dan App Store.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 FEBRUARI 2026


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2019-2025^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun keempat, 2024 dan 2025, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST4 2024	ST4 2025	ST4 2024	ST4 2025	ST4 2024	ST4 2025
Penduduk (juta)	34.1	34.3	17.9	18.0	16.2	16.3
Kelahiran hidup	105,027	99,353	54,158	51,340	50,869	48,013
Kematian	50,415	51,077	29,139	29,358	21,276	21,719
Kadar pertumbuhan (%)						
Penduduk	1.2	0.6	1.4	0.5	1.1	0.6
Kelahiran hidup	-6.4	-5.4	-5.8	-5.2	-5.3	-5.6
Kematian	2.2	1.3	3.5	0.8	0.4	2.1


Carta 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2024 dan 2025, Malaysia




Carta 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2024 dan 2025, Malaysia



Carta 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2024 dan 2025, Malaysia



Carta 5: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2024



Nota: ^P Permulaan ^A Anggaran



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA, FOURTH QUARTER 2025

Population growth slowed to 0.6 per cent (192,495) in line with the decline in live births by 5.4 per cent

PUTRAJAYA, 12TH FEBRUARY 2026 – Malaysia's total population was estimated at 34.3 million as compared to 34.1 million in the fourth quarter 2024 with a slower growth of 0.6 per cent as compared to 1.2 per cent (Q4 2024).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The composition of Citizens and Non-citizens in the fourth quarter 2025 remained unchanged at 90.1 per cent and 9.9 per cent as compared to fourth quarter 2024, respectively. Males population increased to 18.0 million from 17.9 million in the fourth quarter 2024 and females rose to 16.3 million from 16.2 million in the same period. The overall population sex ratio was 110 males for every 100 females while sex ratio for Citizens was 102. The composition of old population (65 years and over) increased from 7.8 per cent to 8.0 per cent in the fourth quarter 2025. Meanwhile, young age population (0-14 years) recorded a decrease from 21.9 per cent to 21.6 per cent. The working age population (15-64 years) increased from 70.3 per cent to 70.4 per cent during the same period".

By ethnicity, Malay accounted 58.2 per cent of the population in the fourth quarter 2025 (Q4 2024: 58.2%). Other Bumiputera, Chinese and Indians remained unchanged as compared to the fourth quarter 2024 at 12.3 per cent, 22.2 per cent and 6.5 per cent, respectively. Sabah Bumiputera contributed 55.2 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) and other Sabah Bumiputera (36.7%). Meanwhile, Sarawak Bumiputera (32.3%) comprised of Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) and other Sarawak Bumiputera (13.2%).

Chief Statistician Malaysia also said, "The number of live births continued to decline, recording a decrease of 5.4 per cent to 99,353 births as compared to 105,027 births in the fourth quarter 2024. Male babies outnumbered female babies with 51,340 births as compared to 48,013 births. Sex ratio at birth was 107 males for every 100 females. Selangor recorded the highest live births with 18,517 births (18.6%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest with 331 births (0.3%). Mothers

aged 30-39 years recorded the highest live births with 49,432 births (49.8%), followed by mothers aged 20-29 years (43.4%), 40 years and over (4.7%) and less than 20 years (2.1%). On average, one baby was born per minute, 45 babies per hour and 1,080 babies per day in the fourth quarter 2025”.

Malay births accounted for 68.7 per cent (68,263 births) of all live births in the fourth quarter 2025 (Q4 2024: 67,912 births, 64.7%). Meanwhile, Chinese and Indians decreased to 7.8 per cent and 3.9 per cent as compared to 11.9 per cent and 4.3 per cent in the fourth quarter 2024, respectively. Live births for Other Bumiputera increased to 12.9 per cent as compared to 12.5 per cent in the same period. Other Bumiputera consists of Sabah Bumiputera, Sarawak Bumiputera and other Bumiputera Peninsular Malaysia. Sabah Bumiputera contributed 59.5 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (34.6%), Bajau (31.3%), Murut (6.4%) and other Sabah Bumiputera (27.7%). Meanwhile, Sarawak Bumiputera recorded 33.4 per cent which comprised Iban (57.5%), Bidayuh (16.9%), Melanau (12.8%) and other Sarawak Bumiputera (12.8%).

Commenting further, a total of 51,077 deaths were recorded in the fourth quarter 2025, increased 1.3 per cent as compared to the fourth quarter 2024 (50,415 deaths). The number of deaths recorded for males were 29,358 while 21,719 deaths for females. Mortality sex ratio was 135 males for every 100 females. Selangor recorded the highest number of deaths with 7,990 deaths (15.6%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 82 deaths (0.2%). Population aged 60 years and over recorded the highest number of deaths with 35,788 deaths (70.1%), followed by 41-59 years (20.7%), 15-40 years (7.3%) and 0-14 years (1.9%). On average, one death was recorded in two minutes, 23 deaths per hour and 555 deaths per day in the fourth quarter 2025.

Malay registered 53.3 per cent (27,214 deaths) of total number of deaths (Q4 2024: 26,216 deaths, 52.0%). Meanwhile, Chinese and Indians decreased to 25.5 per cent and 8.3 per cent as compared to 26.3 per cent and 8.4 per cent in the fourth quarter 2024, respectively. Deaths for Other Bumiputera also decreased to 10.3 per cent as compared to 10.4 per cent in the fourth quarter 2024. Sabah Bumiputera contributed 52.0 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (39.0%), Bajau (28.4%), Murut (5.2%) and other Sabah Bumiputera (27.4%). Meanwhile, Sarawak Bumiputera recorded 42.8 per cent which comprised Iban (60.7%), Bidayuh (19.5%), Melanau (11.1%) and other Sarawak Bumiputera (8.7%).

The Chief Statistician of Malaysia added that birth rates and total fertility rate (TFR) have been declining globally in recent years, with more countries reporting TFRs below replacement level, which is 2.1 children per woman between the ages of 15-49 years. This phenomenon poses major challenges to demographic structure, economic growth and social balance at the global and national levels.

Several countries such as Republic of Korea, Japan, Singapore, Thailand, China, Russia and France have recorded TFR below the replacement level, leading to concerns over ageing population, population decline and workforce. To address these challenges, various population, fertility and family support policies have been introduced. For instance, Republic of Korea has taken initiatives by extending maternity leave to three months, providing paid childcare leave for up to one year and offering financial incentives and tax deductions. Meanwhile, Thailand has also introduced incentives by increasing tax exemptions for families with two or more children to encourage higher birth rates. In addition, France has introduced a family-based tax system. This unique approach reduces the household tax burden based on the number of children in the home.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM Geohub is a digital mapping platform that enhances access to official national statistics by integrating statistical data with geospatial information. The platform is accessible via the DOSM Geoportal at <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM has also developed the **Life Expectancy Calculator**, which can be accessed via the website <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> or downloaded as an application through Google Play Store and App Store.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 FEBRUARY 2026

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2019-2025^p, Malaysia




Table 1: Demographic statistics for fourth quarter, 2024 and 2025, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q4 2024	Q4 2025	Q4 2024	Q4 2025	Q4 2024	Q4 2025
Population (million)	34.1	34.3	17.9	18.0	16.2	16.3
Live births	105,027	99,353	54,158	51,340	50,869	48,013
Deaths	50,415	51,077	29,139	29,358	21,276	21,719
Growth rate (%)						
Population	1.2	0.6	1.4	0.5	1.1	0.6
Live births	-6.4	-5.4	-5.8	-5.2	-5.3	-5.6
Deaths	2.2	1.3	3.5	0.8	0.4	2.1

Chart 2: Citizens by ethnic group, fourth quarter 2024 and 2025, Malaysia




Chart 3: Live births by ethnic group, fourth quarter 2024 and 2025, Malaysia




Chart 4: Deaths by ethnic group, fourth quarter 2024 and 2025, Malaysia




Chart 5: Demographic transition, Malaysia, 1911-2024

